

Syor supaya seni silat Melayu 'buka pintu' kpd masyarakat lain

23 JUL 1978

Berita Minggu

PEMANGKU Menteri Halehwal Masyarakat, Dr. Ahmad Mattar, semalam mengusulkan agar pelajaran seni silat dibuka kepada masyarakat lain yang ada di Republik ini, sebagaimana yang berlaku ke atas seni kungfu, taekwondo dan karate.

Berucap di majlis penutup Pesta Silat Kebangsaan di Panggung Negara malam tadi, Dr. Mattar menjelaskan:

"Adalah suatu kejayaan jika seni silat dapat mencapai taraf lain - lain seni mempertahankan diri seperti kungfu, karate dan taekwondo, yang telah mengatasi jurang - jurang perkauman dengan mempunyai bilangan pengikut berbagai bangsa yang besar dan tidak pula terhad kepada warganegara asalnya.

Galakkan

"Amatlah menyenangkan jika kita dapat melihat, sekurang - kurangnya di Singapura ini, lebih banyak minat terhadap seni silat dan perkembangannya dengan suatu ciri berbilang bangsa.

"Saya tidak mengatakan bahawa persatuan - persatuan silat telah menutup pintu mereka kepada peserta - peserta bukan Melayu, tetapi saya mengatakan bahawa lebih banyak galakan harus diberikan oleh persatuan - persatuan itu, untuk menggalakkan orang lain menyertai senisilat dan mempopularkannya."

Dia juga menekankan bahawa persatuan - persatuan silat harus berusaha menarik lebih ramai peserta terutama belia-belia lepasan sekolah, untuk mempelajari silat.

Ini bertujuan untuk membolehkan mereka mengisi masa lapang mereka dengan perkara yang lebih berfaedah dan menjauhkan mereka dari kegiatan - kegiatan masa lapang yang tidak sihat.

Sebelumnya, Dr. Mattar telah menarik perhatian para guru silat dengan berkata bahawa para jurulatih silat hendaklah menekankan tentang pentingnya disiplin dan tanggungjawab dalam memiliki kemahiran - kemahiran mempertahankan diri itu, kepada para pengikut mereka.

Persediaan pemikiran yang cukup haruslah ada untuk menanamkan perasaan adil, sabar dan perasaan untuk menggunakan kemahiran mereka hanya untuk faedah latihan jasmani dan bukan untuk menyerang, katanya lagi.

Kemahiran itu hanyalah boleh digunakan untuk tujuan mempertahankan diri, jika ia benar-benar diperlukan, tegasnya lagi.

Pada masa ini, katanya, terdapat kira-kira 1,000 orang pelatih seni silat, yang berdaftar dan jumlah itu merupakan kira-kira 10.5 peratus daripada jumlah pelatih - pelatih yang mengikuti seni mempertahankan diri sebagai sesuatu kegiatan sukan dan kegemaran masalayang.

Merujuk kepada kemajuan riadah dan penyerataannya, Dr. Mattar menerangkan bahawa di Singapura semakin ramai orang kini menyertai kegiatan - kegiatan sukan dan permainan.

Dalam Pesta Sukan tahun lalu terdapat 70,000 orang peserta berbanding dengan 44,000 pada 1976.

Silat untuk bukan Melayu: Syor menteri disokong

25 JUL 1978

Pencak silat

PERTUBUHAN - **PERTUBUHAN** silat di sini sentiasa mengalu - alukan penyertaan orang - orang bukan Melayu ke dalam kumpulan silat mereka.

Malah, setengah-setengah kumpulan silat sudahpun 'membuka pintu' kepada orang-orang bukan Melayu atau Islam untuk mempelajari kegiatan silat yang mereka anjurkan.

Ini dinyatakan oleh pemimpin-pemimpin kumpulan silat di sini sebagai

mengulas pandangan Encik A. Rahim Ishak, Menteri Negara Kanan (Halehwal Luar), yang menyatakan silat perlu mendapat sokongan dan penyertaan dari rakyat berbilang bangsa dan budaya di sini.

Semasa berucap merasmikan pesta silat di Panggung Negara Jumaat malam yang lalu, Encik Rahim antara lain berkata:

"Saya menunggu masanya bila rakyat muda Singapura yang bukan Melayu mempelajari seni ini dan memasuki pertandingan pesta silat dalam tahun-tahun akan datang."

Setiausaha Persisi, Encik Johari Uriff, semasa dihubungi berkata: "Langkah menggalakkan penyertaan orang-orang bukan Melayu dalam seni silat sudahpun diambil.

"Malah, setengah-setengah pertubuhan sudahpun mengorak langkah ini lama dulu dan mengalu-alukan orang-orang bukan Melayu menyertai sama.

"Apa yang penting sekarang ialah kerelaan hati daripada orang-orang bukan Melayu untuk menyertai kegiatan silat kita.

"Kami sentiasa mengalu-alukan pada bila-bila masa saja andainya lebih ramai orang-orang bukan Melayu ingin mempelajari seni pertahanan diri ini."

Bagaimanapun menurutnya, dua sebab mungkin menjadi halangan bagi orang-orang itu dari menyertai silat Melayu.

Pertama ialah tentang soal bahasa dan kedua ialah tentang adat-istiadat persilatan.

PANDANGAN

Seperti yang kita tahu, katanya, bahasa Melayu digunakan dalam perantaraan seni silat. Dan setengah-setengah orang yang kurang fasih mendapati sulit untuk mengikutinya.

Begitu juga tentang adat-istiadat persilatan. Sesuatu latihan sebelum dimulakan terpaksa membaca sesuatu ayat Quran.

Pada pandangan orang-orang bukan Melayu dan Islam permainan silat hanya terbatas kepada orang-orang Melayu dan Islam saja.

Bagaimanapun, kata Encik Johari ada jenis-jenis silat lain yang tidak memerlukan ini semua.

Orang-orang bukan Melayu boleh menyertai silat-silat jenis ini, katanya.

Haji Ibrahim Alwi, Yang Dipertua Persatuan Bawean Singapura semasa mengulas berkata: "Saranan yang dibuat oleh Encik Rahim memang baik. Dan saya berharap pertubuhan-pertubuhan silat di sini memberi perhatian berat akan saranan tersebut."

25 JUL 1978

TAHNIH

Dia kemudian mengucapkan setinggi tahniah kepada jurulatih silat PBS Encik Mawardi bin Ipi dan Encik Budin Sion kerana berjaya membimbing jaguh-jaguh PBS merebut juara Pesta Silat tahun ini.

Encik Jaafar Yaakub dari Badan Kesenian Melayu semasa dihubungi juga mengalu-alukan saranan Encik Rahim.

Bahkan, katanya, ada beberapa orang yang bukan Melayu sudahpun menyertai silat dalam pertandingan-pertandingan itu, walaupun bilangannya tidak begitu ramai.

"Kami mengalu-alukan penyertaan mereka. Tetapi inisiatif perlu diambil oleh orang-orang bukan Melayu sendiri untuk menyertainya." tambahnya.